



**Dr. Wan Junaidi (kiri) melihat tumbuhan yang hidup di permukaan tasik pada lawatan kerja ke Tasik Chini, semalam.**

## Lombong, balak bukan punca Tasik Chini tercemar

→ Limpahan Sungai Pahang pada musim tengkujuh jadi penyebab

Oleh **Nik Sukry Ramli**  
niksukry@bh.com.my

### ► Pekan

**D**akwaan Tasik Chini di sini yang diwartakan sebagai tapak Rizab Biosfera pertama di negara ini semakin mati diancam kemusnahan akibat aktiviti persekitaran adalah tidak tepat, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr

Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata, kualiti air yang terjejas di tasik itu berpunca daripada pencemaran akibat limpahan Sungai Pahang setiap kali musim tengkujuh.

"Masalah pencemaran di tasik berkeluasan 5,121 hektar itu tiada kaitan dengan kegiatan pembalakan dan perlombongan yang didakwa beroperasi di kawasan sekitar.

### Tiada kegiatan baharu

"Berdasarkan tinjauan saya, kita boleh lihat bahawa tidak ada lagi aktiviti pembalakan dan perlombongan. Kalau ada pun kesan lama, tidak ada kegiatan baharu," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke Tasik Chini di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian

Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak.

Wan Junaidi berkata, satu jawatankuasa khas ditubuh bagi memantau pelaksanaan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini pada Mac tahun lalu.

"Jawatankuasa itu diketuai kementerian dibantu agensi berkaitan bagi memantau kualiti air, penguatkuasaan, pemuliharaan dan kesedaran awam.

"Kualiti air di 15 stesen di tasik berkenaan juga semakin baik serta mencapai Kelas Satu dan Dua. Saya yakin sasaran untuk memperoleh kualiti air Kelas Satu di semua stesen menjelang 2019 dapat dicapai," katanya.